

# Anjakan Paradigma **DAKWAH** Dalam Menghadapi **PELAMPAU AGAMA**

SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO



**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

**ANJAKAN PARADIGMA  
DAKWAH  
DALAM MENGHADAPI  
PELAMPAU AGAMA**



**ANJAKAN PARADIGMA  
DAKWAH  
DALAM MENGHADAPI  
PELAMPAU AGAMA**

**SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO**

Penerbit  
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2006

© **CETAKAN PERTAMA 2006**

Hak cipta Kolej Universiti Islam Malaysia, 2006

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit

Diterbitkan di Malaysia oleh

Penerbit KUIM

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)**

Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai

Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel:06-7988045 Faks:06-7991309

Reka bentuk oleh

**ONLINE PRINTING NETWORK SDN BHD**

12-16, Jalan Sri Jati 2

Taman Sri Jati, Off Jalan Puchong

58200 Kuala Lumpur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data pengkatalogan-dalam-penerbitan

Galigo, Syamsul Bahri Andi

Anjakan Paradigma Dakwah Dalam Menghadapi Pelampau Agama /

Syamsul Bahri Andi Galigo

Bibliografi: p. 131

ISBN 983-2950-33-3

1. Da'wah (Islam)

2. Islam -- Missions

3. Terrorism-- Religious aspects--Islam. 1. Judul 297.74

# KANDUNGAN

<b>vii</b>	Kata Pengantar
<b>xiii</b>	Prakata
<b>1</b>	Memahami Makna Dakwah
<b>13</b>	Anjakan Paradigma Dakwah
<b>29</b>	Model Pendidikan Dakwah
<b>43</b>	Pendekatan Dakwah Kepada Non Muslim
<b>61</b>	Dakwah Kepada Masyarakat Cina
<b>81</b>	Wajah Dakwah Di Indonesia kini
<b>101</b>	Keganasan Antara Budaya dan Rasional
<b>119</b>	Globalisasi dan Terorisme
<b>125</b>	Penutup
<b>131</b>	Rujukan

# KATA PENGANTAR

**D**AKWAH pada hakikatnya, merupakan gerakan pembangunan yang dilakukan dalam rangka amar makruf dan nahi mungkar supaya wujud kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Dalam hal ini setiap muslim baik lelaki mahupun wanita dituntut menyumbang secara aktif bagi merealisasikan: (a) tugas tablig iaitu menyampaikan *din al-Islam* kepada seluruh umat manusia dan (b) Islam sebagai *rahmatan lil a'lamin* iaitu menjadikan Islam sebagai rahmat, pembahagia dan pensejahtera bagi seluruh alam.

DAKWAH dari satu sisi, merupakan proses komunikasi dalam kaitannya dengan perubahan sosial. Kegiatan dakwah adalah kegiatan komunikasi yang khusus dalam komponen risalah, komunikator, komunikan (sasaran) dan matlamat. Risalah yang disampaikan adalah *din al-Islam*, komunikatornya adalah para pendakwah, komunikan adalah seluruh umat manusia dan matlamatnya adalah kemaslahatan dunia dan akhirat. Pada sisi lain, Islam menuntut setiap muslim untuk berusaha menterjemahkan nilai-nilai normatif Islam menjadi konsep-konsep yang bersifat pelaksanaan serta mengamalkannya secara langsung dalam kehidupan seharian.

DAKWAH dalam pengertian tersebut di atas berlangsung secara terus menerus dan tidak berhenti dengan perubahan generasi atau situasi. Tetapi yang jelas bahawa dakwah akan menghadapi cabaran sesuai dengan perubahan-perubahan yang terjadi. Apalagi di tengah budaya global, cabaran itu semakin berbagai-bagai yang memerlukan pemikiran dan penanganan secara profesional. Oleh sebab itu, Anjakan Paradigma Dakwah (APD) perlu mendapat perhatian, sehingga dakwah masa kini dapat memberikan arah, dorongan dan penyelesaian bagi perubahan masyarakat dalam bentuk yang lebih baik.

## **Asas-Asas Pemikiran Dakwah**

Dakwah sebagai suatu gerakan yang menganut asas amar makruf dan nahi mungkar. Syeikh Ali Mahfuz mengemukakan, bahawa dakwah adalah mendorong manusia untuk berbuat baik dan mengikuti petunjuk serta melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Dalam hal ini, dakwah mengandung makna yang sangat luas, meliputi aspek informasi, komunikasi, pendidikan, ekonomi, sosial budaya dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan kehidupan manusia. Oleh itu, dakwah dipandang juga sebagai gerakan Islam yang mencakupi amalan teori dan praktik.

Asas *amar ma'ruf* merupakan landasan untuk selalu memikirkan yang baik dan terbaik, yang cemerlang dan gemilang sehingga menghasilkan kesan yang positif bagi kehidupan manusia. Asas *nahi mungkar* merupakan usaha-usaha pencegahan yang dilakukan sebelum terjadinya kemungkaran. Berbeza dengan *tagyir al-mungkar*, iaitu usaha-usaha yang dilakukan untuk mengubah kemungkaran yang telah terjadi.

Pada prinsipnya, kewajiban melaksanakan dakwah ditujukan kepada setiap individu muslim sesuai dengan kemampuan bidang tugas masing-masing. Tugas amar makruf dan nahi mungkar sama-sama dipertanggungjawabkan kepada lelaki mukmin dan wanita mukminah, sebagaimana halnya dengan pelaksanaan solat, membayar zakat serta keta'atan kepada Allah dan Rasul-Nya yang juga sama-sama dilaksanakan oleh pria dan wanita mukmin.

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman “ *wa al-mukminun wa al-mukminat ba'duhum awliya ba'd, ya'murun bi al-ma'ruf wa yanhawun 'an al-mungkar wa yuqimun as-shalah wa yu'tun az-zakah wa yuthi'un Allah wa rasulah* (at-Tawbah:71). Mahmud Syaltut mentafsirkan bahawa tanggungjawab amar makruf dan nahi mungkar adalah tanggungjawab paling besar mengikut pandangan Islam. Jika di dalam kajian komunikasi, informasi dipandang sebagai kekuatan, maka

dakwah dalam kaitannya dengan sistem sosial adalah merupakan kekuatan yang dapat menghidupkan dan menggerakkan seluruh kekuatan sosial. Oleh yang demikian, dalam memikul tanggungjawab ini, diperlukan kualiti pendakwah yang memiliki kompetensi ideal, sehingga dakwah dapat ditangani secara profesional.

Dalam kajian dakwah, terdapat dua katagori kompetensi pendakwah, iaitu kompetensi substantif dan kompetensi metodologis. Kompetensi substantif berkaitan dengan aspek keagamaan, akhlak, ketauladanan, keilmuan, pengetahuan dan wawasan yang dimiliki oleh para pendakwah. Sedangkan kompetensi metodologis, berkaitan dengan kemampuan professional sama ada pada aspek perancangan dan pelaksanaan, mahupun pengembangan paradigma dakwah.

### ***Cabaran Globalisasi***

Proses globalisasi sedang berjalan, semakin lama semakin cepat dan semakin kencang. Kurun ke-21 ini disebut sebagai abad *post-modern society*, juga disebut *post-industrial society* dan *information society*. Apapun namanya, masyarakat yang akan datang ditandai dengan dominasi teknologi komunikasi. Sebahagian pakar kemasyarakatan meramalkan kurun ini sebagai kurun *keselesaian hidup*, di mana tamadun manusia semakin berkembang dan efektif. Tetapi sebahagian pakar lainnya meramalkan kurun tersebut penuh dengan ketidakadilan yang dapat menghancurkan nilai-nilai kemanusiaan.

Masyarakat yang hidup dalam era globalisasi ditandai dengan:

- 1 Meningkatkan kepincangan nilai di tengah-tengah masyarakat.
- 2 Berkembangnya sikap yang hanya berorientasi masa hadapan.

- 3 Menurunnya sikap ingin tolong-menolong dalam kehidupan sosial.
- 4 Meningkatnya gaya hidup individual yang materialistik.

Perkara tersebut di atas merupakan cabaran dan sekaligus dapat dijadikan sebagai peluang bagi pelaksanaan dakwah masa hadapan. Dari satu aspek, kecenderungan tersebut membawa kesan perubahan positif, seperti kemajuan dan peningkatan kesejahteraan. Tetapi di sisi lain sangat terbuka kemungkinan timbulnya pelbagai kesan negatif, sama ada pada tatanan budaya manusia mahupun pada persekitaran global.

Pada era ini akan terjadi hubungan antara budaya bangsa-bangsa di dunia dalam ukuran yang luar biasa. Di satu sisi, terjadi hubungan budaya antara sesama bangsa yang beragama Islam, dan di sisi lain akan terjadi hubungan budaya Islam dengan budaya bangsa-bangsa lain yang non-muslim. Diharapkan, hubungan antara budaya ini tidak akan menimbulkan *clash of civilizations* seperti anggapan Huntington, tetapi sebaliknya akan memperkaya dan memperluas wacana ilmu pengetahuan serta membawa kepada kesejahteraan bagi umat manusia.

### ***Usaha Pencegahan***

Menghadapi pelbagai kecenderungan global, maka perlu langkah-langkah pencegahan (preventif) dan penanganan (antisipatif), bagi melaksanakan dakwah secara berkesan (fungsional). Para pendakwa sebagai ejen memasyarakatkan nilai-nilai Islam perlu memiliki kesedaran informasi, keakraban dengan teknologi serta memiliki kemampuan menerima, menyimpan, mengolah dan menyampaikan informasi secara benar dan tepat. Para pendakwah juga mampu mengemas bahan-bahan dakwah dengan bahasa lisan mahupun tulisan dan disampaikan melalui media cetak atau elektronik sesuai

dengan konsep *supply* dan *demand*, Oleh itu, paradigma dakwah baru lebih ditekankan agar berorientasi *sentripetal* dan bukan bersifat *sentrifugal*.

Paradigma dakwah disusun atas dasar hasil-hasil penyelidikan yang mendalam, serta dapat menyahuti tuntutan yang diperlukan oleh masyarakat masa kini. Dakwah diarahkan pada perluasan wawasan keislaman yang bersifat sederhana (*wasatiyyah*), sehingga perlu dikembangkan pemahaman yang bersifat *intrinsic* bukan *ekstrinsic*. Sementara itu, gerakan dakwah yang bersifat penyembuhan dan mengatasi konflik dan gejala pelampau agama perlu mendapat perhatian yang serius. Dalam hal ini, sangat diperlukan usaha penghayatan akidah Islam dan penanaman nilai-nilai *akhlak al-karimah* serta aktiviti dakwah melalui pendekatan *cultural* dan *manhaj wasatiyy*.

Tulisan Prof Syamsul Bahri Andi Galigo, yang bertajuk “Anjakan Paradigma Dakwah dalam Menghadapi Pelampau Agama” ini, adalah sangat menepati masa dan keadaan umat Islam kontemporari. Gejala Pelampau Agama (GPA), walaupun ia dilakukan oleh segelintir (kumpulan kecil) umat Islam, namun ia telah menjadi boomerang bagi umat Islam sejagat. Gejala ini dijadikan alasan oleh musuh-musuh Islam untuk mengucilkan dan memfitnah umatnya di mata dunia.

Masa hadapan adalah masa yang belum dapat direka secara pasti, manusia hanya dapat membuat prasangka dan praduga. Dalam hal ini pelaksanaan dakwah pada masa mendatang memerlukan anjakan paradigma yang benar-benar dapat menyentuh realiti kehidupan masyarakat, sama ada aspek mental-spritual mahupun aspek fizikal-material.

Anjakan Paradigma Dakwah (APD) diharapkan lebih ditekankan pada *problem solving* kepada persoalan-persoalan yang berbangkit, untuk itu diperlukan informasi yang jelas serta maklumat yang benar tentang permasalahan dakwah, keadan sasaran dakwah, latar belakang

masyarakat dan persekitaran, keadaan subjek dakwah, sama ada pendakwah mahupun institusi, serta sarana dan kemudahan dakwah. Sementara itu, para pendakwah dituntut untuk memiliki kompetensi substantif dan metodologis dalam menangani aktiviti dakwah. *Wallahu a'lam*

**Prof Dr H A Ya'kub Matondang<sup>1</sup>**  
Rektor Universiti Medan Area Sumatra Utara



---

<sup>1</sup> Bekas Timbalan Dekan FKP, Kolej Universiti Islam Malaysia.

# PRAKATA

**A**lhamdulillah, dengan izin Allah Yang Maha Kuasa, buku yang bertajuk: “ANJAKAN PARADIGMA DAKWAH DALAM MENGHADAPI PELAMPAU AGAMA “ ini telah dapat diterbitkan. Ia merupakan kumpulan kertas kajian yang selama ini kami lakukan dan telah dibentangkan dalam pelbagai seminar dan diskusi ilmiah sama ada di Malaysia mahupun di Indonesia.

Walau bagaimanapun, kertas kajian ini telahpun kami edit dan olah kembali dengan menambah beberapa data dan maklumat yang relevan yang dianggap cukup signifikan dengan perkembangan semasa. Oleh itu, hasil temuan terkini menjadi keutamaan kami dalam merumus, menyusun semula menjadi satu buku sepertimana yang anda jumpai ini.

Kami panjatkan permohonan kepada *Rabbuna*, Allah Yang Maha Kuasa, semoga dapatan buku ini boleh membuka minda para pembacanya untuk bersama-sama mencari anjakan paradigma dakwah bagi memulihkan citra dan imej umat Islam kini, yang dirasakan telah tercemar di mata dunia. Usaha bersama dan berterusan kepada matlamat dimaksud adalah menjadi agenda penting bagi mereka yang bertanggungjawab mengorak langkah membangunkan masyarakat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan.

Buku ini adalah sesuai untuk dibaca oleh masyarakat umum dan penting bagi mahasiswa pengajian tinggi terutama sekali bagi mereka yang memiliki autoriti memajukan umat Islam daripada ulama, pendakwah, pemimpin masyarakat dan organisasi dakwah, politik dan masyarakat.

Terima kasih diucapkan kepada Penerbit KUIM yang telah berusaha untuk menerbitkan buku ini. Juga kepada Puan Hariza Mohd Yusof, pegawai penerbit KUIM yang sudi membantu kami menyunting bahasanya sehingga ia menjadi buku yang mudah difahami seperti

ini. Tak terkecuali, ucapan terima kasih kepada Professor A Yakub Matondang yang ikhlas memberi pengantar kepada buku ini. Sebagai seorang pakar di bidang dakwah, sudah tentu buah fikirannya yang disemaikan dalam buku ini akan lebih menambahpercaya lagi para peminat dakwah membaca buku ini.

Dan akhirnya, semoga Allah, Tuhan *Rabbun Jalil* memlihara umat ini dan pemimpinnya, serta mengembalikannya kepada umat cemerlang, gemilang dan terbilang, seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an al-Karim : "*khaera ummatin ukhrijat linnas*"

**Amiin Ya Rabbal 'Alamiin**

## **PENULIS**

Bandar Baru Nilai, 11 September 2006  
SYAMSUL BAHRI ANDI GALIGO  
FKP, Kolej Universiti Islam Malaysia

## RUJUKAN

---

Abdullah Muhammad Zin, Prof. Dato' Dr. 1993. Pendidikan Dakwah Islamiah di Malaysia dalam buku: *Isu-isu Pendidikan Islam di Malaysia: Cabaran dan Harapan*. Kuala Terengganu : Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Abdul Munir Mulkhan. 1993. *Paradigma Intelektual Islam: Pengantar Filsafat Pendidikan Islam dan Dakwah*. Yogyakarta: SIPRESS.

Abdul Karim Zaidan, Dr. 1988. *Dasar-dasar Ilmu Dakwah. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Islam*.

'Ali Surur al-Zankluny, 1979: *Al-Dakwah wa al Du'ah* Cairo : Maktabah Wahbah

Amrullah Achmad (Ed.). 1983. *Dakwah Islam dan Perubahan Sosial*. Yogyakarta : Prima Duta.

Bakker J.W.M.,1981 : *Strategi Kebudayaan*, Jakarta : Basis

Fahr al-Razy, 1942 : *al-Tafsir al-Kabir* , Cairo : medan Azhar

Fisher, B.Aubrey. 1990. *Perspectives on Human Communication / Teori-teori Komunikasi*. Bandung: Remaja Rosdakarya.

*Fitrah Magazine*. Darul Fitrah, Kuala Lumpur . vol. 8 October 2001.

Mahfuz, Syaikh Ali. T.TH. *Hidayat al-Mursyidin*. Cairo : Maktabah al-Mahmudiyah at-Tijariyah.

Muhammad al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar tafsir Ibnu Kathir*. Beirut : Dar al-Qur'an al-Karim.

Muhammad bin Ali al-Shawkani. 1973. *Fath al-Qadir*. Beirut : Dar al-Fikr.

- Mely G. Tan, PHD 1998. "A Minority Group Embracing The Majority Religion : *The Ethnic Chinese Muslims in Indonesia*" (Kertas kerja). Seminar on Islam and the West Minorities. Yayasan 2000. Jakarta 14-15 April.
- Mohd. Abdullah Darraz, 1977: *Dustur al-akhlaq ...* Kuwait : Dar kalam
- Mohd. Mohamed Abu Syuhbah, 1987 : *sirah nabawiyah...* Kaherah : Dar al-Ma'arif
- Mohd. Qutub, 1981: *Ru'yah Islamiyah.....*Jeddah : Dar al-Madani
- Mohd. Baqir al-Sader, 1990: *al-Madrasah al-Islamiyah, Beirut : Dar : Syuruq*
- Mohd. Kamal al-din Imam, 1986 : *Humum al-muthaqqafin*, Cairo : Dar al-Fikr
- 'Omar Ubaed, 1991: *murajaat fi al-fikr.....*IIT, USA
- Pratiknya, AW. (Ed.). 1988. *Islam dan Dakwah: Pergumulan Antara Nilai dan Realitas*. Yogyakarta: Pimpinan Pusat Muhammadiyah.
- Rakhmat, Jalaluddin. 1991. *Islam Aktual*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Said Hawwa. 1987. *Ijazah Takhassus al-Du'at*. Cairo: Dar al-Salam.
- Said Ramadan Buti. 1980. *Fiqh al-Sirah*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Syalabi, Rauf. 1974. *Ad-Da'wah al-Islamiyah fi 'Ahdhiha al-Makki*. Kairo: Majma' al-Buhus al-Islamiyah.
- Syamsul Bahri Andi Galigo, Cs (Ed) 2002 : *Isu Dakwah dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: FKP Kolej Universiti Islam Malaysia

- Syamsul Bahri Andi Galigo, 2005 : *Dirasaat fi al-Fikr al-Islamiy*. Kuala Lumpur : Fajar Ulung Sdn Bhd
- Syamsul Bahri Andi Galigo Cs (Ed) 2005 : *Membangun Masyarakat Moden*. Kuala Lumpur : FKP kolej universiti islam malaysia
- Syaltut, Mahmud. 1966. *Al-Islam 'Aqidah wa Syari'ah*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Ibnu Saad. 1980. *al-Tabaqat al-Kubra'* Beirut : Dar Fikr.
- Ibnu Hanbal. t.th. *al-Musnad*. Cairo : Dar al-fikr al-Arabi.
- Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. t.th. *Zad al-ma'ad*. Cairo : Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Ja'far al- Sabhany, 1993 : *Sirah Sayyid al-Mursalin*, Beirut : Dar Kutub
- Thomas Khun, 1980 : *Struktur Revolusi sains, (terjemahan)* Jakarta : Bulan Bintang
- Kamus Dewan - Dwibahasa, 1993* terbitan DBP , Kuala Lumpur
- al-Ghazali, Muhamad. 1964. *Fiqh al-Sirah*. Cairo: Matba'at al-Sa'adah.
- Hassan al-Syafii, Dr. 1988. *I'dad al-Daiyah al-Mufti*. Majalah Dirasat 'Arabiah wa Islamiah, No. 7, Cairo: Kuliyyat Dar al-Ulum.
- Hassan Abdullah Hassan, 2002 : *al-Fikr al-Islamiy Wa al-Nizan al-Alamai al-Jadid*. Cairo : Dar el Wafa
- Hamid Tahir (Ed.). 1988. *Dirasat Arabiyyah Islamiyyah*. Cairo: Kuliyyat Dar al-Ulum.
- The Siauw Giap, Dr. 1986. "*Cina Muslim di Indonesia*" Ridwan Sudi (ed). Jakarta: Yayasan Ukhuwah Islamiah.

Ridzwan Wu. (Ed) 2001. *Reading in Cross-cultural Da'wah. Singapura* : The Muslim Converts' Association of Singapura.

*The Muslim Reader*. Magazine of the Darul Arqam Singapura. Vol.18 No.4 Oct-Dec 2000.

*Galaxy* , terbitan Darul Arqam Singapura. July-Dec 2001.

*Muslimah Magazine*. Bil 182 March 2002 Petaling Jaya : Syarikat Prema

al-Qaradawi, Yusuf, Dr. 1978. *Thaqafat al-Da'iyah*. Beyrut: Muassasat al-Risalah.

al-Qaradawi 1982. *al-Sahwah al-Islamiyyah* ..Qatar : Risalah al-Mahakim al-Shariyyah wa al-Shuun al Diniyyah.

al-Wahidi, Abul Hasan 'Ali Ibn Ahmad 1979. *Asbab Nuzul al-Qur'an*. Cairo: al-Majlis al-A'la li al-Shuun al-Islamiyyah.

al-Wakil, Mohamad al-Sayid, Dr.1984. *Usus al-Dakwah wa adab al-Du'at*. Cairo: Dar al-Wafa.

Yunus Yahya, Drs. 2000. "*Ethnic Chinese Assimilation in Indonesia and Islam*" : a personal experience". (Kertas kerja). Symposium on Politics Islamic Movements in the Malay World. Academic Sinier, Taipei, Taiwan 6th May.

Yunus Yahya, Drs. 1995. *Muslim Tionghua*. (Cet II) Jakarta : Yayasan H. Karim Oei.

Membincangkan masalah dan cabaran dakwah masa kini. Memberi penerangan secara mendalam mengenai konsep dakwah yang difahami oleh sebahagian masyarakat Islam sekarang. Menerangkan peranan dakwah dalam menangani pelampau agama. Yang menariknya, cadangan Anjakan Paradigma Dakwah (APD) yang bersesuaian dengan era globalisasi telahpun dikajinya secara mendalam. Memperkasakan dakwah di rantau ini adalah agenda utama bagi cendekiawan muslim untuk mengorak langka kehadapan merencanakan lagi aktiviti penyelidikan ilmiah yang mendalam dalam usaha menerokai keperluan masyarakat Islam moden. Fenomena keganasan hari ini, walaupun mencemarkan imej umat Islam, namun disebalik itu pintu hidayah memeluk Islam di belahan dunia Barat, terutama Eropah dan Amerika cukup menakjubkan. Pendekatan Islam Hadhari yang telah digagaskan oleh Kerajaan Malaysia adalah satu anjakan paradigma baru untuk memperkasakan umat Islam di rantau ini khasnya di Malaysia.

Penulis adalah Profesor madya dan pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia. Telah menerokai pelbagai penyelidikan dalam bidang dakwah sejak beliau berkhidmat di Universiti Kebangsaan Malaysia lagi. Bidang akidah, falsafah dan pemikiran Islam adalah bidang akademik yang dipertdalaminya sejak mengikuti pengajian tinggi di al-Azhar dan Cairo Universiti. Ijazah kedoktorannya di UKM, difokuskan pada penyelidikan tasawuf di Nusantara. Aktiviti dakwahnya di negara kelahirannya, Indonesia mengantarnya memperoleh penghormatan dengan panggilan Kiyai atau Anre Gurutta.

ISBN 983295033-3



9 789832 950332